



**YUSOF
SAARI**

Struktur ekonomi kita lemah?

PADA 5 Mac lalu, Institut Penyelidikan Khazanah melancarkan buku bertajuk *Structure of the Malaysian Economy: An Input-Output Analysis*. Buku ini mengandungi hasil dapatan kajian oleh penulis bersama pasukan penyelidik dari Institut Kajian Dasar Makanan dan Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Matlamat utama kajian adalah untuk mengetahui punca penjana pendapatan negara dengan melihat secara terperinci struktur ekonomi Malaysia. Terdapat empat dapatan utama kajian yang memberi implikasi besar kepada dasar ekonomi negara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Dapatan membuktikan apa yang kita percaya selama ini berkaitan ekonomi adalah tidak tepat.

Pertama, umum seringkali menganggap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dipacu oleh permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta oleh isi rumah. Ini sama sekali tidak tepat kerana kaedah yang digunakan oleh penganalisis adalah berat sebelah.

“
Matlamat utama kajian untuk mengetahui punca penjana pendapatan negara dengan melihat secara terperinci struktur ekonomi Malaysia.

Contohnya, jika bersandarkan kepada pendekatan konvensional, sumbangan penggunaan swasta kepada KDNK pada 2010 adalah 46 peratus manakala sumbangan eksport hanyalah 19 peratus. Tetapi dengan menggunakan pendekatan pengiraan lebih tepat, sumbangan penggunaan swasta 29 peratus manakala eksport 52 peratus.

Jadi, penjana pendapatan ekonomi negara bergantung kuat kepada eksport, bukannya seperti mana dipercayai dipacu sebahagian besarnya oleh permintaan domestik.

Kedua, ekonomi negara dikatakan telah mencapai tahap kepelbagaian memuaskan. Jika ini benar, bermakna kita tidak lagi bergantung kuat kepada sektor-sektor ekonomi tradisional seperti minyak dan lemak, keluaran petroleum serta elektrik dan elektronik.

Tetapi kajian menunjukkan perubahan struktur ekonomi sangat perlahan menyebabkan kita masih bergantung kuat kepada sektor-sektor tradisional sejak 30 tahun lalu.

Ketiga, kita seringkali beranggapan kesan limpahan pertumbuhan dan pelaburan ke atas sesebuah sektor akan dinikmati secara adil oleh sektor-sektor ekonomi terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dapatan kajian menyangkal dakwaan ini.

Kajian mendapati hubungan rangkaian bekalan yang lemah antara PKS dan syarikat bersaiz besar. PKS banyak bergantung kepada syarikat bersaiz besar dalam mendapatkan bahan mentah yang lebih mengutamakan syarikat besar lain dan syarikat luar negara dalam mendapatkan bahan mentah mereka.

Hubungan rangkaian bekalan yang lemah ini menerangkan mengapa walaupun PKS mendominasi lebih daripada 98 peratus bilangan syarikat berdaftar di Malaysia tetapi mereka hanya menyumbang sekitar satu pertiga kepada KDNK.

Keempat, kita seringkali beranggapan syarikat multinasional di Zon Perindustrian Bebas memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara. Dapatan kajian menunjukkan sebaliknya. Syarikat multinasional ini bukan sahaja mempunyai kandungan domestik kecil, malah mempunyai kesan limpahan yang sedikit kepada sektor ekonomi domestik.

Ringkasnya, dapatan kajian secara jelas menunjukkan wujudnya kelemahan struktur ekonomi yang perlu dibaik pulih segera.

PROF. MADYA. DR. MOHD. YUSOF SAARI ialah Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM.